



NOORLIZA memberi penerangan kepada peserta sebelum memulakan ekspedisi.

DR. DALJIT (kiri) menerangkan fungsi alatan yang digunakan pakai dalam kajian perhutanan.

Program REACH pupuk kesedaran alam sekitar

FAKULTI Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Cempaka International School Damansara (Cempaka) mengadakan program pendidikan alam sekitar Responsible Earth Citizenship Programme (Reach) bertujuan memupuk kesedaran mengenai pentingnya kelestarian alam sekitar.

Program REACH itu melibatkan tujuh modul. Antaranya *The Living Soil*, *Air That We Breathe*, *Flora* dan *The Life's Factory* serta diselia oleh pensyarah UPM, Datin Dr. Rosenani Abu Bakar,

Dr. Daljit Singh dan Dr. Zulfa Hanan Ash'aari.

Pengarah program REACH, Noorliza Abu Bakar berkata, penganjuran program itu hasil idea pengasas Cempaka, Datuk Freida Pilus yang mahu pelajar mereka mengetahui nilai estetika alam sekitar.

"Mereka boleh menimba pengalaman dalam melakukan kerja-kerja lapangan untuk mengukur keadaan kualiti tanah, air, ekologi, pengurusan sisa buangan dan kitar semula.

"Adalah penting bagi peserta REACH memahami visi utama program ini untuk mendedahkan mereka kepada aktiviti luar kelas seperti pencecahan spesies burung, penjagaan tanaman dan kitar semula bagi menyumbang kepada kelestarian alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Nature Educational Society (Nest).

Tambah Noorliza, peserta juga dapat mempelajari kaedah mengurangkan pencemaran dan pembuangan sampah.

Katanya, penilaian kursus itu diadakan melalui perbincangan dalam kelas dan diikuti dengan aktiviti lapangan di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.

Seorang peserta, Mohd. Amirul Aiman, 17, berkata, melalui aktiviti yang disertai itu, pelajar dapat melihat dan belajar spesies pokok serta tumbuhan yang wujud.

"Sebenarnya, banyak jenis tumbuhan yang belum kita tahu dan terokai. Semuanya memberi manfaat kerana ada yang boleh buat herba, sebagai tanaman hiasan atau tarikan pelancongan.

"Program ini membuatkan peserta berfikir mengenai kepentingan mengekalkan hutan berkenaan terutamanya di tengah-tengah kawasan yang pesat membangun," ujarnya.

Fasilitator UPM, Dr. Daljit Singh

PESERTA berpeluang menggunakan bark gauge untuk mengukur ketebalan kulit pokok.

PESERTA sempat menikmati keindahan Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, Selangor.

pula memberitahu, intipati pengisian modul oleh pihaknya tertumpu kepada servis yang diberikan bidang pertanian dan perhutanan kepada manusia.

"Aktiviti mendaki bukan sahaja boleh mendedahkan peserta kepada keunikan struktur hutan malah, mereka diajar kaedah menggunakan peralatan pengukuran pokok, keamatan cahaya dan kelembapan bandingan yang sering diguna pakai oleh renjer hutan.

"Peserta juga digalakkan menggunakan aplikasi yang berkaitan melalui telefon pintar yang menunjukkan bahawa kepesatan teknologi boleh diasimilasi untuk memudahkan kerja-kerja harian," tuturnya.

PARA peserta turut diajar cara mengenal pasti kelembapan, kelajuan angin dan keamatan cahaya.

PENERANGAN ringkas kepada pelajar mengenai struktur pokok hutan.



PESIRTA diajar cara mengkaji ciri-ciri yang ada pada daun.